

## Perkembangan Agama Buddha Aliran Vajrayana Di Malaysia, 1977-2012

*Development of Vajrayana Buddhism in Malaysia, 1977-2012*

Loo Bao Jie  
Rahilah Omar

Universiti Kebangsaan Malaysia

[bj.loo5151995@gmail.com](mailto:bj.loo5151995@gmail.com)  
[rahilah@ukm.edu.my](mailto:rahilah@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

*Agama Buddha memiliki sejarah perkembangan yang panjang di Malaysia. Penyebaran agama Buddha di negara ini dapat dilihat dengan adanya pertubuhan-pertubuhan organisasi agama Buddha dan tempat ibadat yang telah lama dibina. Aliran agama Buddha yang berkembang di Malaysia adalah Buddha Mahayana dan Buddha Theravada (atau Hinayana) sejak zaman kolonial British. Kedua-dua aliran ini juga berkembang dari tempat yang berbeza iaitu dari China, Thailand, Burma, dan Sri Lanka. Dari segi sejarah perkembangannya, aliran Buddha Vajrayana dilihat semakin berkembang dan tersebar luas di seluruh Malaysia. Aliran ini berasal dari negara China iaitu dari wilayah Tibet. Perkembangan aliran Buddha Vajrayana ini secara dominannya dianuti oleh masyarakat Cina. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan mengkaji perkembangan penyebaran aliran Buddha Vajrayana di Malaysia dengan pengkhususan masa iaitu sejak 1977 sehingga 2012. Selain itu, kajian ini juga bertujuan menganalisa pengaruh Buddha Vajrayana terhadap sosio-ekonomi masyarakat Cina di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan melakukan pendekatan 'content analysis' terhadap sumber-sumber yang diperolehi. Sumber-sumber primer diperolehi melalui kaedah temu bual dengan responden-responden terpilih. Hasil kajian mendapati bahawa aliran Buddha Vajrayana ini meskipun agak baru berbanding dua aliran Buddha yang lain telah memberikan pengaruh yang besar ke atas masyarakat Cina dari segi sikap kerja keras untuk mempertingkatkan taraf ekonomi mereka. Pada masa yang sama ia berhasil memupuk semangat kerjasama yang kukuh dalam kalangan mereka sesama sendiri.*

**Kata kunci:** Aliran, Agama Buddha, Vajrayana, Sosio-ekonomi, Malaysia

### ABSTRACT

*Buddhism has a long history of development in Malaysia. The spread of Buddhism can be seen via the formation of Buddhist organisations and temples. During the British administration, two Buddhist schools were introduced in Malaya – Mahayana and Theravada Buddhism. Both schools came from two different regions; Mahayana from China, and Theravada from Thailand, Burma and Sri Lanka. In contrast, the third Buddhist school, Vajrayana Buddhism is much newer in Malaysia – introduced only in the 1970s. Originating from Tibet, most Vajrayana Buddhist practitioners in Malaysia are the Chinese. Thus, this paper looks into the development of Vajrayana Buddhism from its introduction in 1977 to 2012. This study analyses the impact of*

*Vajrayana Buddhism on the socio-economic well-being of the Chinese in Malaysia. This study uses the library method and content analysis method. Primary sources are mainly interviews with selected respondents. The findings of this study show that Vajrayana Buddhism – albeit relatively new – has a strong influence among the Chinese community. This study shows that nature of the Chinese Buddhist is to improve their unity and economic well-being.*

**Keywords:** Schools, Buddhism, Vajrayana, Socio-economy, Malaysia

## 1. Pengenalan

Agama adalah sangat penting dan merupakan satu elemen asas dalam kehidupan seseorang manusia. Kepentingan agama kepada manusia adalah menjadi satu panduan untuk menjalankan kelangsungan kehidupan manusia. Setiap ajaran agama adalah menekankan kepentingan amalan moral, keamanan, keharmonian, dan kesejahteraan hidup serta saling menghormati sesama manusia. Namun, terdapat persoalan mengenai apakah yang dimaksudkan dengan agama dan bagaimana sesuatu agama diamalkan. Agama dalam kamus-kamus merujuk kepada satu kepercayaan terhadap Tuhan atau Maha Kuasa. Para sarjana mewujudkan pelbagai definisi yang menjelaskan maksud agama. Menurut J.M Yinger, agama merupakan satu sistem kepercayaan dan pelaksanaan yang dilakukan sekumpulan manusia yang menghadapi masalah dalam kehidupan mereka. Martin Burber pula mengatakan agama adalah satu cerminan kepada kewujudan Tuhan. (Crawford, 2002: 1) Walaupun terdapat pelbagai definisi untuk menjelaskan maksud agama, kewujudan agama adalah menjadi satu panduan kepada manusia untuk menjalankan kehidupan jasmani dan rohani mereka dengan bermoral dan menjadi manusia berakhlak. Oleh itu, manusia dan agama tidak dapat dipisahkan malah manusia memerlukan agama untuk membentuk rohani seorang insan. Beberapa agama yang ada di dunia telah lama dianuti serta memiliki sejarah perkembangan yang panjang; antaranya ialah agama Islam, agama Hindu, agama Kristian, agama Buddha, dan lain-lain. Manusia pada tahap permulaan mengamalkan animisme seperti menyembah kepada pokok, batu, atau objek-objek yang dipercayai memiliki kuasa ajaib tersendiri dalam memberkati kehidupan mereka. Amalan ini telah semakin pupus setelah kewujudan agama yang berpandukan kepada kitab-kitab ajaran.

Agama Buddha diasaskan oleh seorang putera raja India yang dikenali sebagai Siddhartha Gautama. Baginda telah melarikan diri dari istana untuk mencari kebenaran bagi menyelesaikan masalah-masalah dan persoalan yang wujud dalam kehidupan. Hal ini kerana keadaan kehidupan masyarakat India pada ketika itu adalah sangat sengsara dan mengamalkan kehidupan secara sistem kasta. Masyarakat di India pada masa itu mempunyai kepercayaan terhadap unsur ajaib dan magis yang menebal. Oleh itu, baginda telah pergi membawa diri ke hutan dan bertapa di bawah pokok yang dikenali sebagai pokok Bodhi selama enam tahun. (Olson, 2005: 27) Tindakan baginda adalah untuk mencari jawapan bagi segala persoalan yang timbul dalam pemikirannya setelah baginda melihat keadaan di India pada masa itu. Selepas enam tahun bertapa di bawah pokok Bodhi, baginda telah mencapai tahap kesedaran (*enlightenment*) di mana baginda telah mengetahui sebab dan akibat yang berlaku dalam kehidupan manusia di alam ini.

Pengajaran agama Buddha pada tahap permulaan adalah tidak memiliki sebuah buku berbentuk dalam penulisan yang sempurna tetapi berbentuk pengajaran secara lisan. Selepas 500 tahun agama Buddha diasaskan maka terdapatnya buku-buku catatan agama Buddha secara bertulis mula diperkembangkan (Wangu, 1993: 10). Dalam agama Buddha terdapat tiga aliran utama iaitu aliran Mahayana, aliran Theravada atau aliran Hinayana, dan aliran Vajrayana.

Perkembangan ketiga-tiga aliran ini adalah berbeza. Pada tahap pertama adalah agama Buddha aliran Hinayana atau Theravada, tahap kedua berkembang kepada aliran Mahayana dan tahap terakhir adalah aliran Vajrayana. Agama Buddha aliran Mahayana dikenali sebagai *Great Vehicle*, agama Buddha aliran Theravada dikenali juga sebagai *Small Vehicle* dan agama Buddha aliran Vajrayana pula dikenali sebagai *Diamond Vehicle*. (Kalu, 1995: 15) Secara amnya, aliran Theravada tersebar luas di kawasan Asia Selatan iaitu Sri Lanka, Myanmar, Thailand, Laos, Kemboja dan utara Malaysia. (Wangu, 1993: 11) Manakala aliran Mahayana pula berkembang secara berperingkat ke kawasan Asia Tengah, China, Korea, dan Jepun. (Dutt, 1978: 1) Agama Buddha aliran Vajrayana adalah satu cabang aliran dari aliran Mahayana setelah aliran ini mula diperkembangkan. Agama Buddha aliran Vajrayana ini berkembang luas di kawasan Tibet, Bhutan dan Mongolia pada tahap seterusnya selepas perkembangan Buddha Mahayana. Ajaran dalam aliran Buddha Theravada atau Buddha Hinayana adalah lebih mempraktikkan ajaran Buddha yang asli manakala ajaran aliran Buddha Mahayana pula lebih terbuka ajaran sifatnya serta bersesuaian dengan perkembangan sedunia.

Perbezaan di antara ketiga-tiga aliran adalah dari segi tahap pencapaian kesedaran (*enlightenment*). Agama Buddha aliran Hinayana mencapai tahap kesedaran dengan kaedah individu dan tahap kesedarannya dikenali sebagai “Arhat” (*Arhat ideal*). Agama Buddha aliran Mahayana pula mencapai tahap kesedaran secara bersama dalam kalangan penganut dan tahap kesedaran yang dicapai adalah dikenali sebagai “Bodhisattva” (*Bodhisattva ideal*). Manakala agama Buddha aliran Vajrayana pula adalah sama seperti aliran Mahayana tetapi perbezaannya adalah dari segi proses pengamalannya yang lebih menggunakan kaedah upacara, mantra, dan puja. Kaedah yang digunakan ini bertujuan untuk membantu penganut dalam mempelajari ajaran Buddha. Hal ini kerana aliran Vajrayana menggunakan pengaruh luar atau faktor luaran untuk mempengaruhi manusia supaya menenangkan pemikiran dan mereka mudah dalam pembelajaran ajaran agama Buddha. Walaupun terdapat tiga aliran yang berbeza namun objektif dan hala tuju yang ingin dicapai adalah sama iaitu mencapai tahap kesedaran dan menjadi Buddha.

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan agama Buddha aliran Vajrayana di Malaysia. Penyebaran aliran Vajrayana telah mula berkembang di negara Malaysia secara beransur-ansur sejak tahun 1977 serta dapat dikesan dengan adanya kuil Buddha yang berpandukan aliran Vajrayana. Di negara Malaysia, agama Buddha aliran Vajrayana dibawa dari Tibet kesan daripada penghijrahan penduduk dan pemimpin agama selepas Tibet diserang oleh negara China. Sehubungan dengan itu juga, sejarah penubuhan kuil Buddha Vajrayana juga merujuk kepada sejarah perkembangan agama Buddha aliran Vajrayana di Malaysia. Kuil-kuil ini adalah *Karma Kagyu Dharma Society Kuala Lumpur* ditubuhkan pada tahun 1977, (<http://www.karmakagyukl.com/aboutkkdskl.html>, 15 September 2017) *Losang Dragpa Centre* di Petaling Jaya, Selangor yang ditubuhkan pada tahun 1995, (<http://www.fpmt-ldc.org/>, 15 September 2017) dan lain-lain. *Vajrayana Buddhist Council of Malaysia* ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2002 bertujuan untuk menyatukan semua kuil agama Buddha aliran Vajrayana di bawah satu pertubuhan. (<http://vbcm.org/main/>, 15 September 2017) Oleh itu, kajian mengenai perkembangan agama Buddha aliran Vajrayana di Malaysia adalah untuk meneliti proses perkembangan aliran ini di negara Malaysia.

## 2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan latar belakang agama Buddha di Malaysia dan menggalurkan perkembangan agama Buddha aliran Vajrayana di negara Malaysia. Kajian ini

juga memfokuskan kepada masyarakat Cina kerana penganutan agama Buddha di Malaysia secara majoritinya adalah dalam kalangan masyarakat Cina. Kedua-dua objektif ini perlu dicapai bagi mengkaji dengan teliti mengenai sejarah perkembangan agama Buddha sejak dari zaman penjajahan Inggeris sehingga penyebaran agama Buddha aliran Vajrayana di negara Malaysia. Sehubungan dengan itu, proses penyebaran aliran Vajrayana diselidik bagi melihat perkembangan aliran ini di negara ini.

### **3. Metodologi Kajian**

Dalam melakukan kajian ini, beberapa kaedah telah digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Pelaksanaan penyelidikan ini bukan sahaja melibatkan rujukan buku semata-mata tetapi juga memerlukan kaedah menemu ramah serta melibatkan pemerhatian di tempat kejadian untuk mendapatkan maklumat lanjut atau mendalam bagi melengkapkan kajian ini.

Kaedah yang digunakan dalam melengkapkan kajian ini adalah kaedah kepustakaan dan kaedah temu ramah. Kaedah kepustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan sumber-sumber yang berkaitan dengan agama Buddha. Selain itu, kajian ini juga dilengkapi dengan kaedah temu ramah iaitu pengkaji menemu ramah beberapa orang sami Buddha aliran Vajrayana dan juga penganut-penganut aliran Vajrayana dalam sesebuah kuil Buddha. Tujuannya untuk mengetahui ajaran-ajaran yang terkandung dalam aliran Vajrayana di samping menyusur galur sejarah serta proses perkembangan aliran Vajrayana di Malaysia.

### **4. Latar Belakang Agama Buddha Di Malaysia**

Penyebaran agama Buddha telah bermula di Alam Melayu yang hasil daripada aktiviti perdagangan di antara Alam Melayu dengan pedagang-pedagang India. (Tarling, 1992: 287) Aktiviti perdagangan yang mendorong kepada penyebaran agama Buddha di Alam Melayu dan mudah tersebar kerana penduduk-penduduk tempatan pada masa itu adalah mengamalkan animism iaitu kepercayaan kepada objek yang memiliki kuasa ajaib. Kehadiran pedagang-pedagang dari India bukan sahaja membawa barangan dagangan mereka tetapi mereka juga membawa budaya serta agama mereka ke kawasan ini. Oleh itu, agama Buddha secara langsungnya telah diperkenalkan dan menjadi satu titik permulaan perkembangan agama Buddha di Alam Melayu.

Perkembangan pengaruh dan penyebaran agama Buddha telah meluas dan akhirnya wujud beberapa kerajaan Melayu yang mengamalkan agama Hindu dan Buddha. (Hall, 2011: 114) Kerajaan-kerajaan ini adalah Kerajaan Srivijaya dan Kerajaan Kedah Tua. Dalam catatan I-Tsing menyatakan bahawa Kerajaan Srivijaya pada hujung abad ke-7 memiliki pengaruh yang kuat dalam agama Buddha dan ramai penduduk tempatan adalah mengamalkan agama Buddha, manakala catatan Arab pula menyatakan Kerajaan Kedah juga mengamalkan agama Buddha. (McDougall, 1956: 35) Kenyataan ini menjelaskan bahawa penyebaran agama Buddha telah berlaku serta berkembang luas sebelum penyebaran Islam ke Kepulauan Melayu. Walaupun penduduk di Kepulauan Melayu telah menganut agama Islam selepas penyebaran Islam, namun agama Buddha di Kepulauan Melayu khususnya di Tanah Melayu masih lagi wujud. Namun, agama Buddha ini bukan lagi dari India tetapi mempunyai pengaruh Buddha dari negara China yang dibawa oleh imigran-imigran Cina.

Kedatangan imigran-imigran Cina ke Tanah Melayu (Lee & Ackerman, 1997: 58) secara besar-besaran pada abad ke-19 juga mendorong wujudnya kuil-kuil Buddha dibina di Tanah Melayu. Kehadiran mereka bukan sahaja membekalkan tenaga kerja malah mereka juga membawa budaya dan amalan agama mereka dari negara China ke Tanah Melayu. (Lee & Ackerman, 1997: 61) Sehubungan dengan itu, mereka akan membawa patung dewa mereka sewaktu dalam perjalanan ke Tanah Melayu sebagai satu perlindungan supaya perjalanan dan kehidupan mereka di kawasan baharu dapat diberkati oleh dewa. Kebanyakan imigran Cina ini datang dari selatan China yang terdiri daripada pelbagai kumpulan dialek seperti Hokkien, Teochew, Hakka, Kantonis dan lain-lain. Orang-orang Cina ini mengamalkan agama Buddha aliran Mahayana yang dibawa dari negara China. Terdapat juga beberapa kawasan yang mengamalkan ajaran selain aliran Mahayana iaitu aliran Theravada khususnya di wilayah utara Tanah Melayu. Hal ini kerana kedudukan wilayah utara iaitu negeri Perlis, Kedah, dan Kelantan berdekatan dengan negara Thailand yang mengamalkan aliran Theravada. Oleh itu, aliran Theravada dari Thailand juga berkembang dan tersebar di wilayah tersebut.

Penyebaran dan aktiviti agama Buddha di Malaysia kebanyakan dilakukan serta dianut oleh masyarakat Cina. Populasi masyarakat Cina di Malaysia adalah masyarakat kedua terbesar selepas populasi masyarakat Melayu. Walaupun terdapat penganut agama Kristian dalam masyarakat Cina namun penganut agama Buddha masih dominan dalam masyarakat Cina. Maka dengan itu, masyarakat Cina di Malaysia mendorong kuil Buddha yang telah lama dibina di negara ini kekal sehingga masa kini. Kuil-kuil Buddha ini digunakan bukan sahaja untuk menjalani upacara keagamaan malah penganut-penganut juga mendapatkan ilmu serta ajaran mengenai agama Buddha di tempat ibadat agama Buddha. Perayaan agama Buddha disambut dengan meriah dan dilakukan di tempat ibadat seperti Hari Wesak yang disambut oleh seluruh penganut agama Buddha bukan sahaja di negara Malaysia tetapi disambut oleh penganut Buddha di seluruh dunia. (Platzdasch & Saravanamuttu, 2014: 326)<sup>1</sup>

#### a. *Aliran Agama Buddha Di Malaysia*

Sebelum penyebaran aliran Vajrayana di Malaysia terdapat dua aliran yang telah ada iaitu aliran Theravada dan aliran Mahayana. Kedua-dua aliran ini dibawa oleh komuniti yang berbeza. Aliran Theravada dibawa oleh komuniti Siam, Burma dan Sri Lanka (*Sinhala*) manakala aliran Mahayana dibawa oleh komuniti Cina. Penyebaran kedua-dua aliran ini berlaku sewaktu zaman penjajahan Inggeris di Tanah Melayu. Namun, agama Buddha telah berkembang sejak zaman Kerajaan Kedah yang menyatakan penyebaran agama Buddha pada zaman tersebut adalah aliran Mahayana. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan hasil cari gali yang dilakukan oleh para arkeologi di negeri Kedah. Temuan artifak membuktikan kewujudan penyebaran agama Buddha di Tanah Melayu. Kerja carigali telah dilakukan sejak tahun 1936 iaitu sebelum Perang Dunia Kedua dan proses ini masih dilakukan selepas peperangan. (Leong Sau Heng, 1980: 5) Kerja-kerja carigali ini pada awalnya dilakukan oleh para arkeologi dari Barat dan antara ahli arkeologi

---

<sup>1</sup> Hari Wesak merupakan satu perayaan yang disambut oleh seluruh penganut agama Buddha dan kebiasaannya jatuh pada bulan Mei. Hari Wesak juga menandakan hari kelahiran Buddha dan keadaan bulan pada hari tersebut adalah berbulan penuh. Penganut-penganut agama Buddha pada Hari Wesak akan berkumpul di tempat ibadat Buddha untuk bersembahyang dan menjalani upacara keagamaan. Keterangan lanjut sila lihat C.A. Gunawardena, *Encyclopedia of Sri Lanka: Second Revised Edition 2005*, New Dawn Press, India, 2005, hlm. 373. Hari Wesak merupakan hari perayaan besar oleh penganut Buddha di Malaysia, Hari Wesak telah diusahakan oleh *Malaysian Buddhist Association* (MBA) untuk dijadikan sebagai hari cuti umum untuk seluruh Malaysia dan akhirnya pada tahun 1961, telah dirasmikan bahawa Hari Wesak sebagai cuti umum kepada seluruh rakyat Malaysia.

yang lebih dikenali adalah H.G. Quaritch Wales. Hasil daripada carigali ini diperolehi banyak artifak seperti serpihan tembikar, relikuari,<sup>2</sup> tempat peleburan besi, dan beberapa candi telah ditemui. (Muzium Warisan Arkeologi Lembah Bujang, 2017) Penemuan tempat arkeologi dan artifak ini mencerminkan bahawa Kedah pada sekitar abad-5 masihi telah mengalami perkembangan agama Buddha dan juga agama Hindu. Terdapat beberapa bahan artifak memiliki ukiran seperti *Avalokitesvara*, imej Buddha, patung gangsa Boddhisattva yang dikenali sebagai *Bhrkutie* dan lain-lain artifak yang membuktikan bahawa perkembangan agama Buddha ini adalah dari aliran Buddha Mahayana. (V. Nadarajan, 2012: 75) Ahli arkeologi juga mendapati segelintir artifak telah digunakan untuk upacara pemujaan. Sehubungan dengan itu, ahli arkeologi juga menyimpulkan bahawa perkembangan agama Buddha pada masa itu adalah dari jenis agama Buddha aliran Tantrik berdasarkan penemuan artifak di tapak arkeologi. (Leong Sau Heng, 1980: 7)

Penyebaran aliran Theravada di Malaysia dapat dibuktikan dengan adanya kuil Buddha aliran Theravada yang kebanyakannya dibina di wilayah utara Semenanjung Malaysia. Kuil Buddha aliran Theravada ini dibina pada zaman penjajahan Inggeris terutamanya di Pulau Pinang, manakala negeri seperti Kedah dan Kelantan kebanyakan dibina sebelum utara Semenanjung Tanah Melayu diserahkan kepada pihak Inggeris oleh Siam pada tahun 1910. Antara kuil Buddha tersebut adalah kuil *Bakar Bata* di Kedah yang dibina pada tahun 1839, *Dhammikarama Temple*, *Wat Pin Bang Onn*, *Wat Chaiyamangalaram*, *Wat Candaram* dibina pada abad ke-19 manakala *Wat Buppharam* pula dibina pada abad ke-20, *Mahindarama Temple* dan lain-lain. (Benny Liow Woon Khin, 1989: 59-66)<sup>3</sup> Dalam penyebaran agama Buddha aliran Theravada, bahasa yang digunakan adalah Bahasa Siam, Burma dan Singhalese (Sri Lanka) mengikut kesesuaian kuil Buddha mereka sendiri. Seterusnya, Bahasa Inggeris juga digunakan sebagai medium penyebaran dalam perkembangan penyebaran aliran Theravada di Malaysia.

Perkembangan agama Buddha aliran Mahayana di Malaysia dapat dikesan dengan penubuhan kuil Buddha aliran Mahayana khususnya di Pulau Pinang. Antaranya ialah *Kek Lok Si* ditubuhkan pada tahun 1905, *Ang Hock Si* ditubuhkan pada tahun 1911, dan *Beow Hiang Lim Si* ditubuhkan pada tahun 1942. (Benny Liow Woon Khin, 1989: 59-66) Di Kuala Lumpur terdapat kuil Buddha seperti *Kuan-yin Tong Temple* dan *Kuan-yin Temple* dibina semasa era penjajahan Inggeris. (Colin McDougall, 1956: 52) Pembinaan kuil Buddha aliran Mahayana lebih tertumpu di kawasan bandar kerana kebanyakan masyarakat Cina menetap di kawasan bandar. Sehubungan dengan itu, segala pengendalian kuil Buddha adalah dikendalikan oleh penganut-penganut Cina. Dalam penyebaran aliran Mahayana, bahasa yang digunakan adalah Bahasa Mandarin kerana aliran Mahayana yang dibawa pada tempoh ini adalah dari negara China.

Agama Buddha aliran Vajrayana mula berkembang selepas tahun 1977 dengan adanya penubuhan kuil Buddha aliran Vajrayana di Kuala Lumpur pada tahun 1977. Namun begitu, penyebaran aliran ini telah wujud lebih awal iaitu pada tahun 1971. Penyebaran aliran Vajrayana di Malaysia adalah disebar oleh guru Tulku Urgyen Rinpoche dan seterusnya oleh Rangjung

---

<sup>2</sup> Relikuari merupakan sejenis bekas atau wadah yang digunakan untuk meletakkan barang-barang peninggalan orang-orang alim. Relikuari biasanya diletakkan di bahagian tertentu candi bagi tujuan keagamaan dan pemujaan.

<sup>3</sup> Wat Pin Bang Onn ditubuhkan pada tahun 1889, Wat Chaiyamangalaram ditubuh pada 1845, sejarah penubuhan Wat Candaram pula tidak dapat dikenalpasti, manakala Wat Buppharam dipercayai ditubuhkan sekitar tahun 1930. Penganut-penganut Buddha aliran Theravada di Pulau Pinang iaitu komuniti Siam dan Burma akan bersembahyang di kuil ini.

Rigpe Dorje di mana kedua-dua guru ini adalah diundang oleh sekumpulan penganut agama Buddha di Malaysia. (Chow Heng Soon, 14 Mac 2018) Penubuhan kuil Buddha aliran Vajrayana iaitu Karma Kagyu Dharma Society di Kuala Lumpur pada tahun 1977 menjadi titik permulaan perkembangan aliran Vajrayana di negara Malaysia.

## **5. Perkembangan Agama Buddha Aliran Vajrayana Di Malaysia**

Penyebaran agama Buddha aliran Vajrayana bermula sejak dari tahun 1977 dengan penubuhan kuil Buddha aliran Vajrayana yang pertama di Kuala Lumpur, Malaysia. Namun, penyebaran aliran Vajrayana pada tahap awalnya telah bermula dari tahun 1971 oleh guru Tulku Urgyen Rinpoche di Malaysia. Perkembangan aliran ini juga didorong oleh masyarakat Cina khususnya yang berminat untuk mempelajari ajaran aliran Vajrayana. Agama Buddha aliran Vajrayana di Malaysia datangnya dari aliran Vajrayana di wilayah Tibet, China. Oleh itu, seni bina dan juga bahasa yang digunakan secara langsungnya menggunakan bahasa Tibet dalam penyebaran aliran Vajrayana di Malaysia. Mantra yang digunakan dalam upacara puja adalah dalam bahasa dan tulisan Tibet. Walaubagaimanapun, terdapat usaha terjemahan dari bahasa Tibet kepada bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin bagi memudahkan penganut yang berpendidikan Cina dan Inggeris untuk memahami ajaran aliran Vajrayana. Sistem ejaan juga direka dalam mantra bagi tujuan memudahkan penganut dapat menyebut dan membacanya sewaktu upacara puja.

### **5.1 Perkembangan Sebelum Tahun 1977**

Perkembangan agama Buddha aliran Vajrayana di negara Malaysia bermula sejak tahun 1971 dengan lawatan oleh Tulku Urgyen Rinpoche. (Sherab Wong, 2017) Lawatan beliau menandakan bermulanya penyebaran aliran Vajrayana di Malaysia. Pada tahap awal ini di Malaysia, kuil Buddha aliran Vajrayana belum lagi dibina. Tulku Urgyen Rinpoche lahir pada tahun 1920 dan meninggal dunia pada tahun 1996. (Sogyal, Goleman & Tweed, 2005: 14) Beliau dilahirkan di daerah Kham, wilayah Tibet, China dan menerima pengajaran agama Buddha secara formal dari pak ciknya iaitu Samten Gyatso selepas beliau mencapai umur empat tahun dengan memiliki pemikiran yang luas. (Erik, Schmidt, & Moran, 1999: 11) Sebelum kehadiran Tulku Urgyen Rinpoche, sekumpulan penganut agama Buddha di Taiping mengetahui aliran Vajrayana melalui surat khabar. Rencana surat khabar tersebut memaparkan agama Buddha aliran Vajrayana oleh sami Buddha dari Tibet di India. (Chow Heng Soon, 14 Mac 2018) Oleh itu, kumpulan ini telah pergi ke India untuk menjemput dan meminta Karmapa ke-16 (Martin, 2003: 290)<sup>4</sup> untuk datang melawat Malaysia dan mengajar aliran Vajrayana di Malaysia. Karmapa ke-16 menerima jemputan daripada kumpulan tersebut dan menghantar seorang guru ke Malaysia untuk memberikan ajaran-ajaran aliran Vajrayana iaitu guru Tulku Urgyen Rinpoche. Tiga tahun kemudian, iaitu pada tahun 1974, guru Tulku Urgyen Rinpoche sekali lagi melawat Malaysia untuk kali kedua.

Pada tahun 1975, sekumpulan penganut agama Buddha dari Malaysia telah pergi ke Nepal untuk menghadiri sebuah majlis perayaan agama Buddha di sana. Pada kesempatan tersebut mereka telah berjumpa dengan Karmapa ke-16. (Sherab Wong, 2017) Dalam perjumpaan ini, kumpulan perwakilan dari Malaysia ini telah mengundang Karmapa ke-16 untuk

---

<sup>4</sup> Karmapa ke-16 pada masa itu adalah Rangjung Khyabdak Rigpe Dorje atau Rangjung Rigpe Dorje merupakan ketua sami bagi kesemua sami Buddha Vajrayana mazhab Kagyu. Beliau dilahirkan di Denkhok, daerah Derge, Tibet pada tahun 1924 dan meninggal dunia pada tahun 1981.

melawat dan memberikan ceramah agama di Malaysia. Undangan tersebut diterima baik dan Karmapa ke-16 telah bersetuju menerima jemputan dari kumpulan perwakilan ini. Pada 23 Oktober 1976, Karmapa ke-16 telah datang melawat Malaysia buat kali pertamanya. (Buku log Karmapa ke-16, Rangjung Rigpe Dorje) Destinasi pertama yang dituju oleh Karmapa ke-16 adalah Gua Kong Chee Name (*Kong Chee Name Cave*, 焜光岩洞) di Ipoh dan seterusnya melawat ke Kuil Kuan Yin Kok (*Kuan Yin Kok Temple*) di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Sewaktu beliau di Kuala Lumpur, satu upacara yang dikenali sebagai Upacara Vajra Mukut telah dilakukan dan kehadiran penganut melebihi seribu orang. ([http://www.karmakagyuds.com/kl/c\\_history.html#one](http://www.karmakagyuds.com/kl/c_history.html#one), 15 March 2018) Pada 25 Oktober 1976, sebuah mesyuarat telah diadakan di antara Karmapa ke-16 dan ahli jawatankuasa di Kuala Lumpur. Sebelum beliau bergerak pulang ke India, beliau telah memberikan sepucuk surat perakuannya untuk mendirikan sebuah kuil Buddha aliran Vajrayana di Malaysia dan wang dana sumbangan sebanyak RM 7000 kepada kumpulan ahli jawatankuasa tersebut. (Chow Heng Soon, 14 Mac 2018) Wang ini adalah wang sumbangan oleh para penganut kepada Karmapa ke-16 sewaktu beliau berada di Malaysia. Oleh itu, wang sumbangan tersebut telah digunakan sebagai dana penubuhan sebuah kuil Buddha aliran Vajrayana di Malaysia dan penubuhan kuil Buddha ini merupakan kuil Buddha aliran Vajrayana yang pertama di Malaysia.

Lawatan oleh Tulku Urgyen Rinpoche dan Karmapa ke-16 ke Malaysia telah menandakan titik permulaan penyebaran agama Buddha aliran Vajrayana di Malaysia. Lawatan ini telah membuahkan hasil iaitu penubuhan sebuah kuil Buddha aliran Vajrayana di Kuala Lumpur seperti yang diarahkan oleh Karmapa ke-16. Peristiwa lawatan ini menjadi penanda aras terbentuknya tiga aliran agama Buddhadi Malaysia iaitu aliran Theravada, aliran Mahayana dan aliran Vajrayana. Penubuhan kuil Buddha aliran Vajrayana yang pertama di Malaysia pada tahun 1977 juga menandakan titik permulaan perkembangan agama Buddha aliran Vajrayana dan mendorong banyak lagi kuil Buddha aliran Vajrayana yang lain ditubuhkan. Perkembangan ini tidak hanya dari segi penyebaran agama sahaja malah turut berkembang dari segi fizikal iaitu penubuhan kuil Buddha aliran Vajrayana yang semakin bertambah.

## 5.2 *Perkembangan Selepas Tahun 1977*

Setelah lawatan oleh Karmapa ke-16 iaitu Rangjung Rigpe Dorje ke Malaysia, sebuah kuil Buddha aliran Vajrayana telah diarahkan oleh beliau kepada sekumpulan ahli jawatankuasa untuk ditubuhkan di Malaysia. Sejumlah wang sumbangan dan surat perakuan oleh Karmapa ke-16 telah diberikan kepada kumpulan tersebut sebagai dana penubuhan kuil Buddha aliran Vajrayana di Malaysia. Perancangan ini akhirnya menjadi kenyataan di mana pada 9 Oktober 1977, sebuah kuil Buddha aliran Vajrayana yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan telah ditubuhkan di Jalan Jugra, Kuala Lumpur. ([http://www.karmakagyuds.com/kl/c\\_history.html#one](http://www.karmakagyuds.com/kl/c_history.html#one), diakses pada 15 March 2018) Penubuhan kuil Buddha aliran Vajrayana ini dikenali sebagai Karma Kagyu Dharma Society Kuala Lumpur dan kuil ini telah dimanfaatkan sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti keagamaan, upacara puja, mantra, menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengenai ajaran-ajaran Buddha aliran Vajrayana.

Pada tahun 1980, Karmapa ke-16 datang ke Malaysia kali keduanya untuk memberikan ceramah dan menyebarkan ajaran-ajaran Buddha di kuil Buddha aliran Vajrayana yang telah ditubuhkan iaitu Karma Kagyu Dharma Society Kuala Lumpur. Kali ini kehadiran beliau bertujuan untuk menyebarkan agama Buddha serta mengadakan upacara keagamaan dalam kuil



Buddha aliran Vajrayana. Hal ini berbeza dengan lawatan pertamanya kerana pada tahun sebelum 1977, aktiviti penyebaran adalah dilakukan di kuil lain dan bukannya di kuil Buddha aliran Vajrayana. Pada tahun 1986, Karma Kagyu Dharma Society terpaksa berpindah ke kawasan baharunya yang terletak di Lorong Jubilee, Kuala Lumpur kerana penyewaan rumah tersebut telah tamat tempohnya. Selepas berpindah ke tempat lain, pada tahun 2003, projek menaik taraf kuil dengan membina semula bangunan kuil Buddha telah dilakukan disebabkan oleh peningkatan bilangan penganut dan kekangan ruang untuk melakukan aktiviti keagamaan. Rancangan pembinaan semula ini juga menyediakan fasiliti yang lebih lengkap, ruang upacara yang luas dan selesa. Pada 13 April 2005, bangunan Karma Kagyu Dharma Society telah siap dibina dan seni bina bangunan tersebut adalah mirip kepada bangunan kuil yang sedia ada di wilayah Tibet, China.

Selain kuil Karma Kagyu Dharma Society yang ditubuhkan pada tahun 1977 di Jalan Jugra dan kemudiannya berpindah ke Lorong Jubilee, Kuala Lumpur, terdapat juga kuil lain yang telah ditubuhkan untuk tujuan menyebarkan ajaran agama Buddha aliran Vajrayana di Malaysia. Garis masa penubuhan kuil Buddha aliran Vajrayana dan nama pertubuhan atau kuil Buddha aliran Vajrayana dapat dilihat melalui jadual 1.

JADUAL 1. Kuil-kuil agama Buddha aliran Vajrayana di Malaysia.

No.	Tarikh Penubuhan	Nama Pertubuhan/Kuil Buddha Aliran Vajrayana	Guru Buddha Aliran Vajrayana
1	9 Mac 1977	Karma Kagyu Dharma Society Kuala Lumpur	Rangjung Rigpe Dorje
2	18 Julai 1983	Kuantan Dharma Dzongsar Manjushri Society	Dzongsar Khyentse Rinpoche
3	3 Julai 1986	Triyana Dharma Cakra Vihara Society, Taiping, Perak	
4	28 Feb 1989	Dharma House Society	Sifu Kuan Ming
5	9 Jan 1990	Ka-Nying Ling Dharma Society	Chokyi Nyima Rinpoche
6	22 Mar 1990	Vajrayana Esoteric Taiping	Chokchu Wangmo
7	5 May 1990	Sakya Tengge Ling, Sungai Petani	Sakya Trizin
8	14 Feb 1991	Karma Kagyu Buddhist Centre, Sungai Petani	Lama Ketrup
9	11 Ogos 1993	Sakyamuni Dharma Centre, Petaling Jaya	Khensur Rinpoche Jampa Yeshe
10	6 Julai 1994	Pundarika Meditation Centre	Third Drabwang Tsoknyi Rinpoche
11	20 Feb 1995	Dudjom New Treasure Buddhist Society	Dungse Garab Dorje Rinpoche
12	16 Mac 1995	Losang Dragpa Buddhist Society ditubuhkan (masih belum berdaftar)	Lama Zopa Rinpoche

---

13	6 Mac 1997	Saraha Buddhist Society, Johor Bahru	Sharma Rinpoche
14	21 Mei 1998	Losang Dragpa Buddhist Society didaftarkan	Lama Zopa Rinpoche
15	4 Jun 1999	Chan Tian Chin Ser Buddhist Centre, Melaka	Gyalsap Rinpoche
16	22 Jun 2000	Trungram Buddhist Society, Kuala Lumpur	Fourth Trungram Gyaltrul Rinpoche
17	28 Ogos 2000	Zurmang Kagyud Buddhist Society, Kuala Lumpur	12 <sup>th</sup> Zurmang Gharwang Rinpoche
18	5 Sep 2000	Tsongkhapa Buddhist Society, Perlis	Dorjegalpo Vajra Guru
19	6 Apr 2001	Penang Manjushri Vihara Buddhist Society	Drikung Kyabgon Chetsang Thrinle Lhundrup Rinpoche
20	12 Jun 2001	Karma World Buddhist Society, Kuala Lumpur	Dugu Choegal Rinpoche
21	11 Julai 2001	Drikung Kagyu Kar Tashi, Johor	Drikung Kyabgon Chetsang Thrinle Lhundrup Rinpoche
22	16 Feb 2004	Mindrolling Buddhist Society	Ugyen Choephel Rinpoche
23	1 Sep 2004	Dudjom Dharma House, Kuantan	Dungse Garab Dorje Rinpoche
24	15 Sep 2004	Ngagyur Nyingmapa Buddhism Centre	Yango Rinpoche

---

Sumber: Sherab Wong, 2017).

Menerusi jadual garis masa ini dapat dilihat dari tahun 1977 sehingga tahun 2004 sebanyak 24 buah kuil Buddha aliran Vajrayana telah ditubuhkan di Malaysia. Pada setiap kuil Buddha aliran Vajrayana terdapat seorang guru atau sami yang memainkan peranan utama dalam mengetuai upacara keagamaan dan sesi-sesi pertanyaan oleh para penganutnya. Selain itu, setiap kuil Buddha diurus oleh sekumpulan ahli jawatankuasanya bagi segala urusan kuil, upacara keagamaan, aktiviti dalam kuil, pengendalian kos pembiayaan dan lain-lain. Kumpulan ahli jawatankuasa ini juga mengendalikan urusan visa untuk guru residen mereka masing-masing kerana kebanyakan guru ini adalah berasal dari luar negara seperti dari India, Nepal dan Tibet.

### **5.3 Ciri-ciri Kuil Buddha Aliran Vajrayana Di Malaysia**

Penubuhan kuil Buddha aliran Vajrayana yang semakin berkembang di Malaysia sejak tahun 1977 menunjukkan bahawa semakin banyak penyertaan oleh masyarakat Cina di Malaysia untuk mempelajari ajaran agama Buddha aliran Vajrayana ini. Sumbangan penganut-penganut ini bukan sahaja dalam aspek mempelajari ajaran aliran Vajrayana tetapi sumbangan dari segi kewangan oleh mereka kepada kuil untuk dijadikan sebagai kos pembiayaan dan menyediakan fasiliti yang lengkap bagi memudahkan penganut lain datang mempelajari ajaran ini.

Ada beberapa ciri yang dapat dilihat pada kuil Buddha aliran Vajrayana iaitu dari segi bentuk seni bina, ukiran patung dewa Buddha dan juga peralatan yang digunakan di dalam kuil. Dalam aspek seni bina, kuil Buddha aliran Vajrayana dilihat lebih berwarna-warni dan warna merah adalah antara warna yang utama digunakan dalam bangunan kuil. Sehubungan dengan itu, tulisan Bahasa Tibet juga digunakan dalam ukiran dinding bangunan kuil. Selain itu, di atas

syiling dalam ruang bangunan akan adanya corak mandala sama ada dalam saiz besar atau kecil, serta lukisan atau imej beberapa dewa Buddha di bahagian dinding atau sudut tertentu.

Seterusnya adalah peralatan yang digunakan dalam upacara keagamaan atau upacara puja. Peralatan yang kerap digunakan dalam agama Buddha aliran Vajrayana adalah *Vajra* dan *Ghanta* (loceng tangan). (Lyons & Peters, 1985: 37)<sup>5</sup>Kedua-dua alat ini akan digunakan secara bersama sewaktu upacara keagamaan dan puja dilakukan. *Ghanta* akan dipegang dengan tangan kiri manakala *Vajra* pula akan dipegang di tangan kanan. Kedua-dua alat ini digunakan oleh guru atau sami Buddha dalam segala upacara keagamaan yang berlangsung. Selain itu, di luar kuil diletakkan *Mani Prayer Wheel* yang digunakan untuk diputar oleh penganut. *Mani Prayer Wheel* ini ditulis dalam Bahasa Tibet yang memiliki maksudnya yang tersendiri. *Mani Prayer Wheel* terdapat dalam dua saiz iaitu saiz besar yang diletakkan satu sahaja dalam kuil manakala saiz kecil pula adalah diletakkan dalam bentuk susunan. Peralatan keagamaan ini akan diputar mengikut putaran jam (*clockwise*) dan pemutaran oleh penganut adalah untuk mengumpul kebijaksanaan (*wisdom*) dan menghindarkan segala benda yang bersifat negatif dalam diri penganut. (Anon, 2014: 20)

#### **5.4 Proses Penyebaran Agama Buddha Aliran Vajrayana Dalam Kalangan Masyarakat Cina Di Malaysia**

Tahap awal sebelum tertubuhnya kuil Buddha aliran Vajrayana yang pertama adalah sewaktu lawatan oleh Tulku Ugyen Rinpoche pada tahun 1971. Beliau merupakan seorang sami Buddha yang berasal dari wilayah Tibet dan bertutur dalam Bahasa Tibet. Sewaktu beliau membuat lawatan di Malaysia, bahasa pengantar menjadi satu alat yang sangat penting untuk menyebarkan ajaran kepada penganut. Oleh itu, penterjemah diperlukan dalam proses ini bagi membolehkan ajaran yang disampaikan oleh Tulku Ugyen Rinpoche kepada penganut dapat difahami. Bahasa yang digunakan dalam penterjemahan semasa beliau menyampaikan ceramah adalah Bahasa Inggeris. (Chow Heng Soon, 14 Mac 2018) Penggunaan Bahasa Inggeris ini hanya berlaku pada tahap permulaan dan pada tahap seterusnya Bahasa Mandarin telah digunakan.

Oleh kerana agama Buddha aliran Vajrayana di Malaysia berasal dari Tibet, maka secara langsungnya Bahasa dan tulisan Tibet digunakan dalam “sutra” serta upacara keagamaan. Sehubungan dengan itu, mantra yang digunakan dalam upacara “puja” kebanyakan menggunakan bahasa dan tulisan Tibet. Walaubagaimana pun, terdapat usaha dari ahli jawatankuasa kuil untuk menghasilkan sutra atau buku mantra yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Mandarin atau kedua-duanya sekali. Ketika upacara keagamaan dijalankan, mantra yang diucap adalah dalam Bahasa Tibet. Bagi memudahkan para penganut buku sutra atau mantra disediakan. Sutra atau mantra tersebut di susun dengan ejaan Rumi tertera dibawah tulisan Tibet. Manakala penjelasan menggunakan Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin ditulis dibawah susunan ejaan tersebut. Usaha ini menunjukkan terdapat proses penyebaran agama Buddha aliran Vajrayana kepada masyarakat Cina dalam kedua-dua bahasa. Penyebaran ini tidak memberi halangan kepada masyarakat Cina untuk mempelajari ajaran agama Buddha aliran Vajrayana walaupun bahasa dan tulisan Tibet digunakan dalam upacara keagamaan.

---

<sup>5</sup> *Vajra* adalah simbol kepada sifat lelaki, dan mewakili sifat belas kasihan (*Compassion*), manakala *Ghanta* pula adalah simbol kepada sifat perempuan, dan mewakili kebijaksanaan (*Wisdom*). Simbol kepada kedua-dua peralatan ini adalah mewakili satu kebenaran yang agung (*Supreme Truth*).

Dalam usaha menyebarkan aliran Vajrayana ini kepada masyarakat, kuil Buddha aliran Vajrayana juga menerbitkan keratan akhbar rasmi mereka (*newsletter*) bagi menarik minat masyarakat Cina yang ingin mempelajari ajaran agama Buddha aliran Vajrayana. (*Shabda*, Mei 2017) Selain itu juga, risalah-risalah (*brochure*) juga diterbitkan dengan kandungan hanya menerangkan aktiviti harian dan bulanan yang akan dijalankan oleh kuil Buddha tertentu. Sehubungan dengan itu, risalah digunakan untuk pemberitahuan program khas yang akan dilaksanakan seperti pemujaan terhadap Dewa Buddha tertentu. Segala keratan akhbar rasmi dan risalah diberikan secara percuma dan diletakkan di satu sudut dalam kuil. Dalam hal ini, para penganut memainkan peranan dalam mengedarkan risalah atau keratan akhbar rasmi ini kepada rakan-rakan mereka dan ahli masyarakat yang berminat untuk mengetahui lebih mendalam agama Buddha aliran Vajrayana.

Aktiviti atau ceramah mengenai agama Buddha yang dilakukan oleh Jawatankuasa dan sami-sami kuil Buddha aliran Vajrayana menggunakan surat akhbar sebagai media untuk menyebarkan maklumat berkaitan aktiviti tersebut. Aktiviti yang kerap dilakukan adalah aktiviti membebaskan haiwan, *offerings* (persembahan) di mana satu upacara khas bersembahyang kepada dewa Buddha, ceramah agama Buddha dan lain-lain dijalankan di kuil ini. (*The Star Online*, 13 Oktober 2005) Sehubungan dengan itu juga, pemberitahuan mengenai kehadiran guru yang akan mengadakan upacara keagamaan iaitu pemujaan *Medicine Buddha* bagi memberkati penganut yang mempunyai penyakit juga disebarkan melalui akhbar supaya masyarakat yang berminat mengetahui program yang dijalankan. (*The Star Online*, 20 September 2011) Oleh itu, kaedah yang digunakan oleh kuil Buddha aliran Vajrayana adalah untuk menyebarkan maklumat mengenai aktiviti yang akan dilakukan dan masyarakat yang berminat dialu-alukan untuk datang ke kuil bagi mempelajari ajaran aliran Vajrayana. Hasil daripada ini bukan sahaja dapat menarik minat orang ramai malah ia membolehkan masyarakat di Malaysia mengetahui agama Buddha aliran Vajrayana ini dengan lebih mendalam.

### **5.5 Penubuhan Vajrayana Buddhist Council of Malaysia (VBCM)**

Vajrayana Buddhist Council of Malaysia (VBCM) merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan pada tahun 2012 dan bertujuan untuk menyatukan kesemua pertubuhan atau kuil Buddha Vajrayana yang ada di Malaysia. VBCM sebagai satu perbadanan atau perwakilan untuk mewakili semua pertubuhan-pertubuhan yang ada di seluruh negara serta berperanan dalam menyatukan pertubuhan Buddha aliran Vajrayana di Malaysia dan menjadi wakil untuk menyuarakan pendapat, masalah serta cadangan dari pertubuhan Buddha aliran Vajrayana di Malaysia kepada kerajaan Malaysia. Penubuhan VBCM sememangnya digalakkan oleh kerajaan Malaysia kerana hal ini adalah melibatkan soal agama yang merupakan hal yang sensitif. Selain itu juga, penubuhan VBCM juga dapat memudahkan urusan perhubungan di antara pertubuhan Buddha aliran Vajrayana di Malaysia dengan pihak kerajaan mengenai soal agama. Penubuhan VBCM juga bersesuaian dengan keadaan pada masa itu kerana pertubuhan-pertubuhan Buddha aliran Vajrayana berselerak di merata-rata tempat, oleh itu, VBCM menjadi satu badan yang menyatukan kesemua pertubuhan ini di bawah satu payung atau perwakilan. (Pek Chee Hen, 2018)

VBCM juga berperanan dalam menguruskan hal-hal mengenai visa sami Buddha dan mengendalikan hal-hal jempunan sami-sami Buddha luar ke Malaysia. (Koo Yew Fook, 2018) Seterusnya, VBCM juga mengadakan aktiviti secara bersama dengan pertubuhan Buddha Vajrayana yang lain seperti aktiviti pemujaan Dewa Buddha dan lain-lain. Objektif VBCM

adalah untuk menyatukan seluruh penganut aliran Buddha Vajrayana, menjadi perwakilan dalam berurusan dengan kerajaan berhubungan soal agama Buddha, dan mengutamakan semangat perpaduan dalam kalangan penganut dan pertubuhan Buddha Vajrayana. (Sherab Wong, 2012: 23) Oleh hal yang demikian, VBCM juga bekerjasama dengan pertubuhan lain seperti MBA (*Malaysia Buddhist Association*), TBCM (*Theravada Buddhist Council of Malaysia*) dan lain-lain pertubuhan perwakilan agama Buddha dalam mengutamakan semangat perpaduan agama Buddha di Malaysia. Seterusnya, VBCM menjadi satu pertubuhan yang dirujuk oleh masyarakat untuk mengetahui mengenai agama Buddha aliran Vajrayana di Malaysia. VBCM berfungsi dalam memberikan maklumat yang benar kepada masyarakat yang mempunyai kemusykilan atau pertanyaan mengenai aliran Vajrayana di Malaysia.

## 6. Kesimpulan

Penyebaran agama Buddha di Malaysia kini mempunyai tiga aliran iaitu aliran Theravada, aliran Mahayana dan aliran Vajrayana. Perkembangan ini mencerminkan satu penyatuan semula ketiga-tiga aliran ini dengan mempunyai objektifnya yang sama. Perbezaan di antara ketiga-tiga aliran ini dapat dilihat dari segi sejarah perkembangannya serta aspek pengamalan atau kaedah yang dipraktikkan untuk mencapai tahap kesedaran. Penyebaran dan perkembangan agama Buddha aliran Vajrayana di Malaysia masih pada peringkat yang “muda” jika dibandingkan dengan penyebaran aliran Theravada dan aliran Mahayana. Masyarakat Cina khususnya juga mendorong penyebaran agama Buddha aliran Vajrayana di negara Malaysia. Hasil daripada ini, aliran Vajrayana dapat disebar luas ke seluruh Malaysia dan banyak kuil Buddha ditubuhkan bagi tujuan mempelajari ajaran-ajaran Buddha aliran Vajrayana. Impak daripada penyebaran agama Buddha aliran Vajrayana bukan sahaja mendorong kepada penubuhan kuil Buddha tetapi secara tidak langsungnya memberi impak kepada sosio-ekonomi penganut terutamanya masyarakat Cina. Pengamalan ajaran Buddha aliran Vajrayana memberi kesan terhadap sosial masyarakat Cina dan secara langsungnya juga akan memberikan kesan ke atas struktur ekonomi mereka. Keadaan ini juga memperlihatkan bahawa masyarakat Cina mengaplikasikan serta menyesuaikan ajaran-ajaran Buddha aliran Vajrayana dalam kehidupan seharian mereka. Implikasi terhadap ekonomi masyarakat Cina menjadikan mereka lebih tekun dan rajin dalam usaha mencari keuntungan atau rezeki mereka. Sehubungan dengan itu, impak terhadap sosio-ekonomi dari amalan ajaran Buddha aliran Vajrayana menyebabkan mereka bekerja keras mencari rezeki untuk membantu memperkembangkan aliran Vajrayana di Malaysia. Mereka percaya dengan keterlibatan mereka untuk membantu agama, kehidupan mereka akan lebih diberkati dan mudah mencapai ketenangan dan kesedaran (*enlightenment*).

## Rujukan

- Crawford, R. (2002). *What Is Religion*. London: Routledge.
- Dougall, M.C. (1956). *Buddhism in Malaya*. Singapore: Donald Moore.
- Dutt, N. 1978. *Mahayana Buddhism*. Delhi: Motilal Banarsidass.
- Erik Pema Kunsang, Schmidt, M.B. & Moran, K. (peny). (1999). *As It Is: Volume I*. Hong Kong: Rangjung Yeshe.
- Gunawardena, C.A. (2005). *Encyclopedia of Sri Lanka: Second Revised Edition 2005*. India: New Dawn Press.

- Hall, K.R. (2011). *A History of Early Southeast Asia: Maritime Trade and Societal Development, 100-1500*. United Kingdom: Rowman & Littlefield Publishers.
- Kalu Rinpoche. (1995). *Profound Buddhism: From Hinayana to Vajrayana*. California: Clear Point Press.
- Lee, Raymond. & Ackerman, S.E. (1997). *Sacred Tensions: Modernity and Religious Transformation in Malaysia Studies in Comparative Religion*. Columbia: University of South Carolina Press.
- Leong, Sau Heng.(1980). Lembah Bujang. Dlm. Chandran, J. & Jazamuddin Baharuddin (peny). *Lembah Bujang*, hlm. 5-17. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Liow, B.W.K. (1989). Buddhist Temples and Associations In Penang 1845-1948. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 62 (1): 57-87.
- Lyons, E. & Peters, H. (1985). *Buddhism: History and Diversity of a Great Tradition*. Pennsylvania: University of Pennsylvania Press.
- Majalah terbitan tahunan Karma Kagyu Dharma Society. (2014). *The Kagyu Dharma Vol VI*. Kuala Lumpur: Karma Kagyu Dharma Society.
- Muzium Warisan Arkeologi Lembah Bujang, Kedah.
- Nadarajan, V. (2012). *Bujang Valley: The Wonder That Was Ancient Kedah*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Olson, C. (2005). *The Different Paths Of Buddhism: A Narrative-Historical Introduction*. London: Rutgers University Press
- Platzdasch, B. & Saravanamuttu, J. (2014). *Religious Diversity in Muslim-majority States in Southeast Asia: Areas of Toleration and Conflict*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Shabda*. Monthly Newsletter of Losang Dragpa Center. (2017). Bulan Mei.
- Sherab Wong (peny). (2012). *Vajra Voice*. Subang Jaya: Vajrayana Buddhist Council of Malaysia (VBCM).
- Sogyal Rinpoche, Goleman, D. & Tweed, M. (peny). (2005). *Blazing Splendor: The Memoirs of the Dzogchen Yogi Tulku Urgyen Rinpoche*. Hong Kong: Rangjung Yeshe Publications.
- Tarling, N.(1992). *The Cambridge History of Southeast Asia: Volume I, From Early Time to c.1800*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- The Star Online*. 2005. 13 Oktober.
- The Star Online*. 2011. 20 September.
- Wangu, M.B. (1993). *Buddhism: World Religions*. New York: Facts On File.
- Wong, Sherab. (2017). *Vajrayana Buddhism in Malaysia: Development, Contributions and Visions*. Kertas kerja National Conference on Buddhist Civilisation. Anjuran The Malaysia Buddhist Festival. Sungai Petani, Kedah. 15 - 17 September.

#### **Laman Internet**

- <http://www.karmakagyukl.com/aboutkkdskl.html>, diakses pada 15 September 2017.
- <http://www.fpmt-ldc.org/>, diakses pada 15 September 2017.
- <http://vbcm.org/main/>, diakses pada 15 September 2017.
- [http://www.karmakagyuds.com/kl/c\\_history.html#one](http://www.karmakagyuds.com/kl/c_history.html#one), diakses pada 15 March 2018.
- [http://www.karmakagyuds.com/kl/c\\_history.html#one](http://www.karmakagyuds.com/kl/c_history.html#one), diakses pada 15 March 2018.

#### **Senarai Narasumber:**

- a. Encik Chow Heng Soo  
Mantan Presiden Vajrayana Buddhist Council of Malaysia (2002 – 2007)

- Temu bual pada 14 Mac 2018 di Kepong, Selangor DE.
- b. Encik Koo Yew Fook  
Mantan Presiden Vajrayana Buddhist Council of Malaysia (2011 – 2015)  
Temu bual pada 16 Mac 2018, bertempat di Subang Jaya, Selangor DE.
- c. Encik Pek Chee Hen  
Pengerusi Vajrayana Buddhist Council of Malaysia (2015 sehingga kini)  
Temu bual pada 8 Mac 2018, bertempat di kediaman beliau di Taman Maluri, Selangor DE.